



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

Block D5, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62616 Putrajaya
Tel: 03-8886 6000 Faks: 03-88891569

Dato' Seri Long See Wool
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Dato' Yap Kin Sian
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Datuk.Ruhaizah Mohamed Rashid
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan)
Kementerian Pengangkutan Malaysia



JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

Dato' Sri Ismail Bin Ahmad
Ketua Pengarah
Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ),
Aras 1-5, Blok D4, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
Tel : 03-8886 6400
Faks : 06-8888 9645



JABATAN LAUT MALAYSIA

Dato' Kapten Hj. Ahmad bin Othman
Ketua Pengarah
Jabatan Laut Malaysia
Ibu Pejabat Laut, Peti Surat 12
Jalan Limbungan,
42007 Pelabuhan
Klang, Selangor
Tel : 03-3346 7777
Faks : 03- 3168 5289



JABATAN PENERBANGAN AWAM

Dato' Azharuddin Abdul Rahman
Ketua Pengarah
Jabatan Penerbangan Awam
No. 27, Persiaran Perdana,
Tingkat 1-4, Blok Podium, Presint 4,
62618 Putrajaya
Tel : 03-8871 4000
Faks: 03-8890 1640



JABATAN KESELAMATAN JALAN RAYA

Dato' Dr. Tam Weng Wah
Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan Jalan Raya
Aras 2, Blok D5, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62616 Putrajaya
Tel : 03-8886 6287
Faks : 03-8888 6720



LEMBAGA PELABUHAN KELANG

Capt. David Rajan Padman
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Klang
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang,
Selangor
Tel : 03- 31688211
Faks : 03-31670211



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

Encik Noor Ariff Bin Yusoff
Pengurus Besar
Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang
3A-6, Bangunan Sri Weld,
Pangkalan Weld, 10300 Pulau Pinang
Pulau Pinang
Tel : 04- 263 3211
Faks: 04- 262 6211



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

Encik. Muhammad Razif Ahmad
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Johor
6A1-8A1 Pusat Perniagaan Pasir Gudang
Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang
Johor Darul Takzim
Tel : 07- 253 4000
Faks : 07- 251 7684



LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN

Dato' Khairul Anuar Bin Abdul
Rahman
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kuantan
Tanjung Gelang, Peti Surat 161,
25720 Kuantan,
Pahang Darul Makmur
Tel : 09- 585 8000
Faks: 09- 583 3866



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

Tuan Haji Hamdan Bin Abdul Hamid
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Bintulu,
Tingkat 8, 9 dan 10,
Menara Kidurong,
Batu 12, Jalan Tanjung Kidurong,
Peti Surat 296,
97007 Bintulu, Sarawak
Tel: 086-253 888
Faks : 086-251 876



PERBADANAN ASET KERETAPI

Encik Zaidul Bakri Bin Haji Abdul Mutalib
Pengurus Besar
Perbadanan Aset Keretapi
No.29G, Blok B, Jalan TKS 1,
Kajang Sentral Business Park,
43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-8733 2020
Faks: 03-8733 2222



INSTITUT MARITIM MALAYSIA (MIMA)

Institut Maritim Malaysia (MIMA)
B-06-08 Megan Avenue II
Ketua Pengarah
12, Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-2161 2960
Faks : 03- 2161 4035



INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA (MIROS)

Profesor Dr. Wong Shaw Voon
Ketua Pengarah
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya
Lot 125-135, Jalan TKS 1,
Taman Kajang Sentral
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03- 8924 9200
Faks : 03- 8733 2005

Menarik Di dalam
PAK RANGKUL JOHAN PERARAKAN PASUKANTERBAIK



PAK ke MINI KONVENSYEN KIK



Keluaran Januari 2014

Sebarang urusan rasmi Perbadanan ini hendaklah dirujuk kepada alamat seperti berikut:

Pengurus Besar,
PERBADANAN ASET KERETAPI,
No.29G, Blok B, Jalan TKS 1,
Kajang Sentral Business Park,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-8733 2020
Faks: 03-8733 2222 / 03-8733 6018
Email: zaidul@rac.gov.my

MERAKYATKAN PAK

Perbadanan Aset Keretapi (PAK) telah mengorak langkah baru dalam tadbir urusnya apabila mengambil pendekatan turun padang melalui Program Hari Bertemu Pelanggan PAK yang julung kali diadakan.

Bertempat di Dewan KRT Taman - Taman Perumahan Tg Kubu, Kuala Krau, Pahang, program tersebut diadakan pada 20 September 2013 bermula dari pukul 8.30 pagi hingga 3.00 petang. Pemilihan Kuala Krau sebagai lokasi penganjuran dibuat memandangkan kawasan tersebut merupakan antara kawasan yang mempunyai penyewa teramai. Selain pegawai-pegawai daripada bahagian/unit berkaitan, Pengurus Besar PAK, En Zaidul Bakri bin Hj Abdul Mutalib turut hadir sebagai tanda sokongan kepada penganjuran program ini.

Penganjuran program tersebut adalah bagi memudahkan penyewa-penyewa terutama yang jauh dari kawasan bandar untuk membayar sewa disamping menjelaskan tunggakan (jika ada), menandatangani perjanjian dan membuat permohonan sewaan terhadap tanah-tanah keretapi. Selain itu, program ini juga memberi peluang kepada PAK untuk bertemu dengan penyewa-penyewa tanah keretapi sekaligus mengetahui masalah yang dihadapi mereka. Melalui program ini, aktiviti pemantauan terhadap tanah-tanah keretapi boleh dibuat bagi mengenalpasti tanah-tanah keretapi yang diceroboh oleh pihak tidak bertanggungjawab.

sambungan ms 3



isi kandungan

Perutusan
Pengurus Besar
m/s 02

m/s 01
Merakyatkan PAK

PAK
Turun
Padang m/s 04
Aktiviti
PAK

m/s 05
m/s 06
Kelab Sosial dan
Kebajikan PAK

m/s 08
PAK
sana sini

PUSPANITA PAK m/s 10

m/s 11


Hubungi Kami:

Sidang redaksi mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan daripada semua pembaca PRINTIS

Sila salurkan maklum balas atau surat menyurat kepada:

Editor PERINTIS
Unit Hal Ehwal Korporat,
PERBADANAN ASET KERETAPI (PAK),
No.29G, Blok B, Jalan TKS 1,
Kajang Sentral Business Park,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-8733 2020
Faks: 03-8733 2222
Email: salfarizan@rac.gov.my
Laman Web: www.rac.gov.my

Sekapur Sirih seulas pinang

PERUTUSAN PENGURUS BESAR

Assalamualaikum wbt dan Salam 1 Malaysia.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya usaha untuk menerbitkan buletin Perintis Edisi ke-enam (6) ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Selaku agensi yang diamanahkan untuk menjaga dan menguruskan aset serta infrastruktur keretapi, PAK sentiasa berusaha memberi perkhidmatannya yang terbaik kepada orang awam. Mengakhiri tahun 2013, banyak program-program yang dianjurkan PAK dilaksanakan dalam usaha Perbadanan ini untuk menguar-uarkan kepada orang awam mengenai peranan yang dimainkan. Jesteru, Buletin Perintis kali ini mengetengahkan Program Hari Bertemu Pelanggan PAK yang julung kalinya diadakan di Kuala Krau, Pahang dan disusuli di Taiping, Perak atas inisiatif untuk merakyatkan PAK.

Bukan itu sahaja, kontinjen PAK telah berjaya mengharumkan namanya apabila muncul sebagai pasukan terbaik perbarisan pada Kejohanan Sukan Inter-Agensi Kementerian Pengangkutan. Kejayaan itu sedikit sebanyak mengubat rasa kecewa kontinjen PAK yang gagal membawa pulang sebarang pingat memandangkan saingan yang diterima bukanlah sedikit selain kekangan masa untuk berlatih.

Dalam usaha memastikan misi dan visi PAK dapat terus direalisasikan, PAK telah menganjurkan Bengkel Pelan Strategik bagi tempoh 2012-2018. Bengkel ini telah memberi peluang kepada semua pegawai untuk mengenalpasti langkah-langkah yang perlu diambil bagi memperkasakan lagi Perbadanan ini untuk tempoh lima tahun akan datang berdasarkan situasi dan isu yang didepani sekarang ini.

Selain itu, buat pertama kalinya kumpulan TRACK telah mewakili PAK dalam Mini Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) peringkat agensi di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT). Bersaing bersama tujuh lagi badan berkaunun bawah MOT, mini konvensyen tersebut telah memberi pendedahan kepada PAK terhadap inovasi-inovasi yang dicipta dalam usaha membudayakan inovasi di Perbadanan ini.

Melalui semua program, usaha dan inisiatif yang telah diambil, saya yakin PAK dapat melepasi apa yang telah dicapai pada tahun 2014. Harapan saya agar usaha sebegini diteruskan pada masa-masa akan datang. Akhir kalam, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Unit Hal Ehwal Korporat atas daya usaha menghasilkan buletin ini sebagai salah satu wadah menyebarkan maklumat.

En. Zaidul Bakri Bin Hj. Abdul Mutalib
Pengurus Besar,
PERBADANAN ASET KERETAPI (PAK)



pergerakan staff PAK

En. Hafiznizam Bin Hasin@Hashim

Tarikh Mula Bekerja : 25 November 2013

Tempat Lama Bertugas : Kementerian Kemajuan
Luar Bandar dan Wilayah

Jawatan di PAK : **Pengurus Kanan Hartanah
-Gred M52**



zulizwan&akma



**Zulizwan Bin Yusof &
Siti Nor Akma Binti Ishak**
17 Ogos 2013
No. 123, Kampung Baru Bukit Goh
26050 Kuantan, Pahang

shahril&atikah



**Shahril Bin Mohamad Sahar &
Nur Atikah Binti Hassan**
03 November 2013
No 12, Jalan 9A, Pendamaran Jaya,
42000 Pelabuhan Klang, Selangor

puspanita PAK

PUSPANITA MOT turun padang agih bantuan kepada MANGSA BANJIR DI KUANTAN

Pada 27 – 28 Disember 2013, PUSPANITA Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Pengangkutan dan Lembaga Pelabuhan Kuantan telah menganjurkan Program Amal Bantuan Banjir di Kuantan, Pahang.

Rombongan seramai 20 orang itu diketuai oleh Pengerusi PUSPANITA Kementerian Pengangkutan iaitu Puan Ruhaizah Mohamed Rashid yang juga Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) Kementerian Pengangkutan.

Kira-kira 100 orang mangsa banjir di dua kawasan iaitu di Taman Pandai Damai 1 dan Sungai Isap Jaya telah menerima bantuan tersebut berupa barangan keperluan harian dan tuala.

Ketika tinjauan dibuat, didapati masih ramai mangsa banjir yang masih melakukan kerja-kerja pembersihan di kawasan rumah masing-masing. Kebanyakan barangan dan perabot mereka musnah sama sekali berikutan air banjir yang hampir mencecah bumbung rumah mereka.



kelab sosial & kebajikan



EN NORULAZWAR DAN PN NORSAIDATUL AZRANI unggul kategori lelaki dan wanita boling **Piala Pengurus Besar**

Bertempat di pusat beli belah The Mines, satu pertandingan boling bagi merebut Piala Pengurus Besar PAK telah diadakan pada 25 Ogos lepas. Disertai 52 orang kakitangan Perbadanan ini, pertandingan itu telah dianjurkan oleh Kelab Sosial dan Kebajikan PAK (KSKPAK). Majlis perasmian pertandingan tersebut telah disempurnakan oleh Pengurus Besar Perbadanan ini iaitu En Zaidul Bakri bin Haji Abdul Mutalib yang juga penaung KSKPAK dengan melakukan balingan pertama.

Tempat pertama bagi kategori lelaki dimenangi oleh En Norulazwar bin Ismail dengan 324 jatuhan pin manakala Puan Norsaidatul Azrani Hamzah yang juga juara bertahan terus mengungguli kategori wanita dengan 283 jatuhan pin. Bagi pertandingan berkumpulan Lane 22 yang dianggotai EN Norulazwar, Puan Syarifah Soraiya, En Yasser dan Puan Normahinawati telah berjaya muncul sebagai johan dengan keseluruhan jatuhan pin 917. Hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan telah disampaikan oleh En Zaidul Bakri.

bowling tournament

Selain aktiviti di Kuala Krau, pasukan bergerak (mobile team) PAK turut menjalankan kerja-kerja mengutip hasil sewa/tunggakan, menyerahkan perjanjian dan pemantauan tanah-tanah keretapi ke kawasan yang jauh dari Kuala Krau seperti di Kuala Lipis, Mengkarak, Bera, Kemayan, Temerloh dan Mentakab. Pasukan ini dianggotai wakil daripada Bahagian Pengurusan Hartanah dan Unit Kewangan dan Unit Undang-undang.

Kejayaan kali pertama program tersebut telah menyemarakkan semangat PAK melalui Unit Hal Ehwal Korporat untuk menganjurkan program tersebut buat kali kedua di Stesen KTM Taiping, Perak pada 30 November 2013.

Masih mengekalkan matlamat yang sama, program kali ini turut dihadiri Pengurus Besar PAK dan Pengurus Kanan Hartanah serta wakil-wakil daripada Bahagian

Pengurusan Hartanah, Unit Kewangan dan Unit Undang-Undang.

Program sehari itu mendapat sambutan yang menggalakkan apabila ramai penyewa dan individu yang berminat untuk menyewa tanah keretapi tampil dengan tujuan masing-masing. Hasilnya, banyak kes-kes penyewaan tanah yang timbul akibat proses penambilalihan daripada Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dapat diselesaikan dan ini secara tidak langsung meningkatkan hasil pendapatan PAK.



Hari Bertemu Pelanggan PAK di Stesen KTM, TAIPING



aktiviti PAK

PAK anjur program "HARI BERTEMU PELANGGAN" Kementerian Pengangkutan



Pada 21 September 2013, PAK telah menjadi tuan rumah bagi penganjuran Program Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pengangkutan di Kuantan Parade, Kuantan, Pahang. Sebanyak 10

Jabatan/Agensi telah menyertai program tersebut yang mana program ini menjadi aktiviti wajib diadakan setiap bulan oleh Kementerian Pengangkutan. Antara Jabatan/Agensi yang menyertai program tersebut adalah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Institut Keselamatan Jalan Raya, Jabatan Laut Malaysia, Lembaga Pelabuhan Kuantan dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Program tersebut telah dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti sesi permainan interaktif, kuiz, kaunter menyemak senarai hitam, membayar saman dan pembaharuan lesen oleh JPJ.

aktiviti PAK

Bertempat di Hotel Grand Riverview Kota Bahru, Kelantan, Perbadanan Aset Keretapi telah menganjurkan Bengkel Pelan Strategik bagi tempoh 2014-2018. Dihadiri oleh Pengurus Besar En Zaidul Bakri bin Hj Abdul Mutalib dan semua pegawai peringkat pengurusan dan profesional, bengkel ini dibimbing oleh En Ruzain bin Idris daripada Kementerian Pengangkutan.

Bengkel selama 3 hari ini memberi peluang kepada semua pegawai untuk mengenalpasti langkah-langkah yang perlu diambil bagi memperkasakan lagi Perbadanan ini untuk tempoh lima tahun akan datang berdasarkan misi dan visi yang telah digariskan.

Penetapan Hala Tuju Organisasi

Di Bengkel Semakan Semula Pelan Strategik PAK (2014 – 2018)



PAK jadi TUAN RUMAH Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian Pengangkutan

Bertempat di Hotel Four Point by Sheraton, Sandakan, Sabah, Perbadanan Aset Keretapi telah menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Ict Kementerian Pengangkutan Bil 4/2013 pada 18 November 2013.

Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Seri Long See Wool, mesyuarat yang diadakan empat kali setahun itu, telah dihadiri wakil-wakil daripada semua jabatan/agensi yang bernaung di bawah Kementerian Pengangkutan.

Selain itu, satu lawatan telah diadakan di Jabatan Pengangkutan Jalan (Sandakan) bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai penggunaan Sistem Mysikap dan cara permohonan lesen kenderaan yang baharu. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Noor Azman Shafie, Penolong Pegawai Penguatkuasa.



aktiviti PAK

Kumpulan TRACK bawa nama PAK ke Mini Konvensyen KIK peringkat agensi di bawah Kementerian Pengangkutan

Buat julung kalinya, Perbadanan Aset Keretapi telah menghantar wakilnya menyertai Mini Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) Peringkat Agensi di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT) yang berlangsung di Johor Bahru, Johor. Dikenali dengan nama TRACK, kumpulan tersebut dianggotai oleh 12 staf PAK dengan diketuai oleh En Mohd Nizam bin Zainal dan dibimbing oleh Puan Ane Salfarizan Mispani.

Dengan tajuk Mengatasi Kelemahan Dalam Pengurusan Maklumat Penyewaan dan Pajakan di atas Tanah-tanah Keretapi milik PAK, kumpulan TRACK telah mempertaruhkan Sistem i-TEN sebagai inovasi. Sistem tersebut mengambil masa enam bulan untuk dibangunkan.

Tajuk projek tersebut dipilih memandangkan ia mampu memberi impak besar kepada organisasi kerana ketiadaan rekod penyewaan dan pajakan yang sistematik menyebabkan berlakunya kelewatan pencarian maklumat, maklumat yang ada tidak lengkap dan menyukarkan proses pencarian maklumat. Keadaan ini menjadi lebih kritikal apabila proses pengambilalihan penyewaan daripada Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dimulakan pada Januari 2012 yang mana menyebabkan bilangan permohonan yang direkod semakin bertambah.

Penyertaan kumpulan TRACK dalam konvensyen ini menjadi lebih bermakna apabila Pengurus Besar PAK En Zaidul Bakri bin Hj Abdul Mutalib turut hadir memberi sokongan dan kata-kata semangat.

Berlangsung selama dua hari di KSL Hotel and Resort, Johor Bahru dari 2 hingga 3 September 2013 konvensyen tersebut telah berjaya menghimpunkan seramai sembilan kumpulan daripada lapan agensi yang bernaung di bawah MOT. Selain TRACK, kumpulan lain yang bertanding adalah Inno_Corp (Lembaga Pelabuhan Bintulu), Sky-Cru (Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya), Xylene (Lembaga Pelabuhan Kuantan), 3P (Lembaga Pelabuhan Klang), Impetus (Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang), Thinc (Lembaga Pelabuhan Johor), I-Wave (Institut Maritime Malaysia) dan Optechinno (Lembaga Pelabuhan Bintulu).

Kumpulan OPTECHINNO daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu telah berjaya menjadi juara pada konvensyen tersebut dengan membawa projek tajuk : Penggunaan Peralatan Penghalang Tikus Pada Tali Tambatan Yang Kurang Efektif diikuti Kumpulan XYLENE daripada Lembaga Pelabuhan Kuantan yang membawa inovasi bertajuk Kad PS dan Kumpulan 3P daripada Lembaga Pelabuhan Klang berjaya merangkul tempat ketiga dengan tajuk projek mereka Proses Perlesenan Perkhidmatan Sampingan Pelabuhan Yang Kurang Efisien.

Hadiah telah disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pelabuhan Johor YB. Dato' Abdul Rahim Bin Ramli. Pada 2 September 2013, satu majlis makan malam telah diadakan bagi meraikan kumpulan-kumpulan yang menyertai konvensyen dengan kehadiran Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Datuk Seri Long See Wool.



aktiviti PAK

Bulan Kemerdekaan PAK 2013

Sekitar
Sambutan



Sekitar Majlis GemPAK



Aidilfitri PAK 2013

kelab sosial & kebajikan



kelab sosial & kebajikan

Selain kontinjen PAK, kontinjen-kontinjen dari jabatan/agensi lain antaranya Jabatan Pengangkutan Jalan, Lembaga Pelabuhan Klang, Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Lembaga Pelabuhan Bintulu dan Lembaga Pelabuhan Johor turut tidak ketinggalan menunjukkan kreativiti apabila masing-masing membawa maskot dan pelbagai jenis sepanduk dan bendera. Dalam kejohanan itu PAK telah mengambil bahagian dalam hampir kesemua acara antaranya dart, badminton, bola jaring, boling, karom, bola sepak dan ping pong.



PAK rangkul JOHAN PERARAKAN sempena Kejohanan Sukan Inter-agensi

Kementerian Pengangkutan

Latihan kawad kaki dan perbarisan yang diadakan hampir setiap hari, seminggu sebelum berlangsungnya Kejohanan Sukan Inter-Agensi Kementerian Pengangkutan berjaya membuahkan hasil apabila kontinjen Perbadanan Aset Keretapi (PAK) berjaya muncul sebagai pasukan terbaik perbarisan sempena itu yang diadakan pada 5 hingga 7 September 2013 bertempat di Institut Penilaian Negara (INSPEN) Putrajaya.

Dianggotai seramai 47 orang, kontinjen PAK segak berpakaian sukan kuning dan hitam berjaya mendapatkan tepukan gemuruh tetamu yang hadir dengan replika keretapi yang dibawa bersama. Selain itu, turut mendapat perhatian ialah pembawa papan tanda PAK yang mengenakan pakaian tradisional orang Minangkabau.

Keadaan hujan renyai-renyai sejak awal pagi tidak menghalang kesemua kontinjen untuk menunjukkan komitmen dan kerjasama yang baik dalam acara perasmian yang diadakan dengan suasa penuh warna-warni. Sebanyak 13 kontinjen mewakili setiap Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Pengangkutan menyertai kejohanan kali ini yang dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Datuk Seri Long See Wool. Turut hadir dalam acara perasmian kejohanan sukan tersebut adalah hampir kesemua ketua-ketua jabatan/agensi termasuk Pengurus Besar PAK, En Zaidul Bakri bin Haji Abdul Mutalib.

Kesemua kontinjen telah diraikan dalam satu majlis makan malam yang diadakan di PICC, Putrajaya pada 7 September 2013. Turut diadakan acara penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang acara sukan yang dipertandingkan yang disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan. Pada majlis tersebut juara keseluruhan kejohanan temasya sukan itu dimenangi oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dengan jumlah pungutan pingat 5 emas, 2 perak dan 1 gangsa. Temoat kedua pula diungguli kontinjen dari Jabatan Laut Malaysia dengan kutipan 4 emas dan 1 gangsa manakala kontinjen daripada Kementerian Pengangkutan berjaya meraih tempat ketiga dengan 2 emas, 1 perak dan 3 gangsa.

